

23 OCT 1998

BELANJAWAN-GALAKAN/I

PENGECCUALIAN CUKAI BAGI SYARIKAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA DILULUSKAN

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Syarikat-syarikat yang diluluskan sebagai "syarikat perdagangan antarabangsa" diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus daripada pendapatan berkanun yang berkaitan dengan peningkatan jualan eksport, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Ini adalah bagi menggalakkan syarikat perdagangan Malaysia terlibat secara aktif dalam perdagangan antarabangsa, jelasnya semasa membentangkan cadangan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata bagi tujuan galakan itu, jualan eksport tidak termasuk komisyen dagangan dan keuntungan yang diperolehi daripada dagangan di bursa komoditi.

Pada masa ini, syarikat-syarikat perdagangan layak mendapat galakan cukai dua kali bagi promosi eksport, cukai dua kali ke atas premium insurans kredit eksport dan cukai dua kali ke atas premium bagi pengeksport.

Untuk layak bagi galakan yang dicadangkan itu, Dr Mahathir berkata syarikat itu, antara lain, hendaklah dimiliki sekurang-kurangnya 70 peratus oleh rakyat Malaysia dan hendaklah menggunakan kemudahan-kemudahan tempatan seperti insurans.

Beliau menambah bahawa syarikat juga hendaklah menggunakan kemudahan-kemudahan tempatan seperti perkapalan dan pelabuhan dan hendaklah mendaftar dengan MATRADE.

Syarikat itu juga hendaklah memasarkan barangan kilang, terutamanya daripada industri-industri kecil dan sederhana.

Di samping itu, syarikat itu mestilah memenuhi syarat-syarat berikut untuk mendapat galakan cukai:

+ tidak lebih daripada 20 peratus daripada nilai jualan tahunan diperolehi daripada perniagaan barangan komoditi utama;

+ tidak lebih daripada 20 peratus jualan tahunan diperolehi daripada jualan barangan anak syarikat itu.

-- BERNAMA

MFJ SHY OS